



جدوال وقت سمبهيغ

JULAI 2023
ZULHIJAH 1444H-MUHARRAM 1445H
نو الحجة ١٤٤٤هـ - محرم ١٤٤٥هـ

Hari	Masihi	Hijrah	الصبح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya`
Sabtu	1	13	2.49	4.45	1.10	5.27	9.24	10.36
Ahad	2	14	2.50	4.45	1.10	5.27	9.24	10.36
Isnin	3	15	2.51	4.46	1.10	5.27	9.23	10.35
Selasa	4	16	2.53	4.47	1.10	5.27	9.23	10.34
Rabu	5	17	2.54	4.48	1.10	5.27	9.22	10.33
Khamis	6	18	2.54	4.48	1.10	5.27	9.22	10.33
Jumaat	7	19	2.56	4.49	1.11	5.26	9.21	10.31
Sabtu	8	20	2.57	4.50	1.11	5.26	9.21	10.31
Ahad	9	21	2.59	4.51	1.11	5.26	9.20	10.30
Isnin	10	22	3.00	4.52	1.11	5.26	9.19	10.28
Selasa	11	23	3.01	4.53	1.11	5.26	9.18	10.27
Rabu	12	24	3.03	4.54	1.11	5.26	9.18	10.27
Khamis	13	25	3.04	4.55	1.11	5.26	9.17	10.25
Jumaat	14	26	3.07	4.57	1.12	5.25	9.16	10.24
Sabtu	15	27	3.08	4.58	1.12	5.25	9.15	10.23
Ahad	16	28	3.09	4.59	1.12	5.25	9.14	10.21
Isnin	17	29	3.11	5.00	1.12	5.24	9.13	10.20
Selasa	18	30	3.12	5.01	1.12	5.24	9.12	10.19
Rabu	19	1	3.15	5.03	1.12	5.24	9.11	10.17
Khamis	20	2	3.16	5.04	1.12	5.23	9.09	10.15
Jumaat	21	3	3.17	5.05	1.12	5.23	9.08	10.14
Sabtu	22	4	3.20	5.07	1.12	5.23	9.07	10.12
Ahad	23	5	3.21	5.08	1.12	5.22	9.06	10.11
Isnin	24	6	3.23	5.09	1.12	5.22	9.04	10.09
Selasa	25	7	3.25	5.11	1.12	5.21	9.03	10.07
Rabu	26	8	3.27	5.12	1.12	5.21	9.01	10.05
Khamis	27	9	3.29	5.14	1.12	5.20	9.00	10.04
Jumaat	28	10	3.31	5.15	1.12	5.19	8.58	10.01
Sabtu	29	11	3.32	5.16	1.12	5.19	8.57	10.00
Ahad	30	12	3.35	5.18	1.12	5.18	8.55	9.58
Isnin	31	13	3.36	5.19	1.12	5.18	8.54	9.57

Hari Keputeraan KDYMM yang ke-77 tahun
(Hari Sabtu 15 Julai 2023M bersamaan 27 Zulhijah 1444H)

Awal Tahun Hijrah 1445H
(Hari Rabu 19 Julai 2023M bersamaan 01 Muharram 1445H)

Nasihah Untuk Kita Bersama

ISTIQAMAH DALAM MENGERJAKAN AMAL IBADAH

Istiqamah yang dimaksudkan itu ialah berdiri teguh di atas jalan yang lurus, berpegang kukuh kepada akidah Islam dan melaksanakan syariatnya dengan tekun, tidak berubah dan tidak berpaling dalam apa jua keadaan sekalipun.

Adapun dalam kita beristiqamah, walaupun dengan amalan yang sedikit tetapi berterusan adalah lebih afdhal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali-sekala. Rasulullah SAW dalam hadis baginda menjelaskan bahawa amalan yang paling baik dan dikasihi Allah SWT itu ialah amalan yang berterusan ataupun istiqamah walaupun sedikit.

Daripada Aisyah RA bahawa pada suatu malam Nabi SAW mengambil tikar yang diperbuat daripada pelapah dan daun tamar untuk dijadikan dinding tempat baginda bersolat di waktu malam, dan di waktu siang baginda menghamparkan tikar daun tamar itu dan duduk di atasnya, orang pun datang berkumpul kepada Rasulullah lalu solat sepertinya sehingga ramai yang mengikutinya, Rasulullah SAW datang dan menemui mereka lalu bersabda: "Wahai kalian manusia, beramallah sekadar kemampuan kamu, bahawa sanya, Allah tidak akan berasa jemu sehingga kalian merasa jemu. Dan sesungguhnya amalan yang paling dicintai Allah adalah amalan yang dikerjakan secara berkekalan walaupun sedikit.

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya orang yang istiqamah dalam beribadah, beramal kebajikan, berakhlak mulia dan mentaati perintah Allah banyak hikmahnya, antaranya :

Pertama: Seseorang yang istiqamah dalam beriman dan dalam amal ibadatnya akan selalu didatangi oleh para malaikat dan itu adalah satu keuntungan disebabkan malaikat itu membawa rahmat.

Kedua: Seseorang yang istiqamah, tidak mudah berasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, kuat keyakinannya, kukuh pendiriannya dan besar harapannya kepada Allah SWT.

Ketiga: Orang yang istiqamah tidak mudah berasa sedih terutama apabila kehilangan sesuatu kerana ia merasa semua itu adalah milik Allah SWT

Keempat: Mereka yang istiqamah juga akan mendapat balasan syurga yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.

Petikan Khutbah Jumaat 21 April 2023

